

HUBUNGI SKUAD SENTRAL:
ASWANY OMAR - 019-9882695

IPT pertama di dunia guna CGPA

Sistem bermula September ini di lima universiti awam terpilih di negara ini
SINAR HARIAN (SENTRAL) 9 Ogos 2015 m/s 41

■ ASWANY OMAR

KUANTAN - Lima universiti awam di negara ini bakal menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di dunia yang menggunakan Sistem Bersepadu Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA).

Menyatakan bahawa sistem CGPA digunakan sekarang tidak lagi bersesuaian untuk menghasilkan graduan berdaya saing, katanya kepada media selepas menyampaikan taklimat sempena Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT): Soaring Upwards di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Mary Yap, Ketua Pengarah KPT, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Menurutnya, sebagai perluasan, sistem berkenaan akan diperkenalkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan empat lagi universiti awam lain.

"Kementerian lebih komited menghasilkan lebih ramai graduan yang mempunyai nilai positif dan holistik dalam pelbagai aspek termasuk keusahawanan dan sahsiah," katanya.

"Ini bermakna sistem CGPA digunakan sekarang tidak lagi bersesuaian untuk menghasilkan graduan berdaya saing," katanya kepada media selepas menyampaikan taklimat sempena Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT): Soaring Upwards di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Mary Yap, Ketua Pengarah KPT, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Selain itu, katanya, sistem 2+2 akan mula diperkenalkan



Idris dengan gaya tersendiri memberi penerangan mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 negara ketika menghadiri Program Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) "Soaring Upwards", semalam.

di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula sesi pengajian bulan depan.

Melalui sistem itu, pelajar akan mengikuti pengajian selama dua tahun di UMK se-

belum meneruskan dua tahun lagi tempoh pengajian mereka dengan mengikuti latihan in-

dustri bersama pemain industri yang sudah sedia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan KPT sebelum ini.

Beliau percaya, sistem berkenaan akan dapat mempersiapkan pelajar menjadi modal insan berkualiti dan berdaya saing serta dapat menyediakan mereka sebagai graduan seimbang dalam semua aspek.

"Setakat ini, katanya perjanjian persefahaman (MOU) dengan beberapa syarikat sudah dilaksanakan termasuk Khazanah Nasional, Huawei, Samsung, AirAsia dan Novartis.

Program Jelajah KPT: Soaring Upwards itu akan diadakan di seluruh negara bagi memberikan maklumat tentang mengenai pencapaian semasa sistem pendidikan tinggi negara.